

Tingkatan 3 Bab 6: Perubahan Pentadbiran Ke Arah Berkerajaan Sendiri Di Sarawak dan Sabah

第 3 层第 6 章：砂劳越和沙巴迈向自治的行政改革

Pengenalan 鉴定

1. Semasa di tingkatan dua, murid-murid telah mempelajari pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak dan pemerintahan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

在中二时，学生已经学习砂劳越的 **Brooke** 家族统治和沙巴州的英国北婆罗洲公司（**SBUB**）管理。

2. Bab ini akan membincangkan penyerahan Sarawak dan Sabah kepada kerajaan British dan perubahan pentadbiran ke arah berkerajaan sendiri di kedua-dua negeri tersebut.

本章将讨论砂劳越和沙巴两州移交给英国政府和迈向自治的行政改革。

6.1 Perubahan Pentadbiran Ke Arah Berkerajaan Sendiri Di Sarawak 砂劳越迈向自治的行政改革

1. Semasa pemerintahan Vyner Charles Brooke, sempena Perayaan 100 tahun Pengambilan Sarawak, beliau telah memperkenalkan Perlembagaan 1941.

在 **Vyner Charles Brooke** 的统治时，庆祝取得砂劳越 **100** 周年的同时，他推介 **1941** 年宪法。

2. Antara kandungan perlembagaan tersebut ialah menjanjikan kerajaan sendiri bagi penduduk Sarawak. 宪法的内容是承诺给予砂劳越人民自治行政。

3. Namun, perlembagaan tersebut tidak sempat dilaksanakan kerana Sarawak diserang oleh Jepun. 然而，宪法不能被实现，因为砂劳越被日本袭击。

6.1.1 Sarawak Selepas Kekalahan Jepun 日本战败后的砂劳越

1. Jepun menduduki Sarawak mulai tahun 1941 hingga tahun 1945. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, British telah memperkenalkan Pentadbiran Tentera British (BMA) pada 10 September 1945.

日本人从 **1941** 年到 **1945** 年占领砂劳越。第二次世界大战后，英国于 **1945** 年 **9** 月 **10** 日推介英国军事管理局（**BMA**）。

2. Pada masa itu, kerajaan British mengambil keputusan untuk mengambil alih pentadbiran Sarawak daripada keluarga Brooke. Dalam masa yang sama, Vyner Brooke membuat keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada British.

当时，英国政府决定接管砂劳越的 **Brooke** 家族统治。与此同时，**Vyner Brooke** 决定移交砂劳越给英国。

6.1.2 Sarawak Diserahkan kepada Kerajaan British 移交砂劳越给英国政府

1. Sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British:

Vyner Brooke 移交砂劳越给英国政府的原因:

- (a) Desakan British 英国的坚持
- (b) Masalah kewangan 财务问题
- (c) Masalah keluarga 家庭问题

Faktor Charles Brooke Menyerahkan Sarawak Kepada Kerajaan British

Charles Brooke 移交砂劳越给英国政府的因素:

A Desakan British 英国的坚持

1. Sebab pertama Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British ialah kerana desakan yang berterusan daripada kerajaan British.

第一个原因 **Charles Vyner Brooke** 移交砂劳越给英国政府是因为英国政府持续的坚持。

2. Kerajaan British berpendapat pelaburan British di Sarawak lebih terjamin di bawah pentadbiran kerajaan British. Sebenarnya, sejak Perang Dunia Kedua lagi, kerajaan British telah mendesak Vyner Brooke untuk menyerahkan Sarawak tetapi beliau enggan berbuat demikian.

英国政府认为，砂劳越在英国政府的行政之下，英国在砂劳越的投资比较有保障。事实上，自二战以来，英国政府已经敦促 **Vyner Brooke** 移交砂劳越，但他拒绝这样做。

B Masalah kewangan 财务问题

1. Sebab kedua Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British ialah kerana beliau menghadapi masalah kewangan.

第二个原因 **Charles Vyner Brooke** 移交砂劳越给英国政府，因为他面对财务困境。

2. Ini berikutan banyak kerosakan ketika Perang Dunia Kedua yang dialami oleh Sarawak sedangkan Charles Vyner Brooke tidak mempunyai sumber kewangan untuk membangunkan semula negeri Sarawak selepas perang.

继二战期间后，砂劳越受到很大重创，而 **Charles Vyner Brooke** 没有财力重建战后的砂劳越。

C Pertikaian keluarga 家庭纠纷

1. Sebab ketiga Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British ialah kerana pertikaian antara beliau dengan anak saudaranya, Anthony Brooke.

第三个原因 **Charles Vyner Brooke** 移交砂劳越给英国政府是因为他和他的侄子，**Anthony Brooke** 之间的纠纷。

2. Charles Vyner Brooke sudah uzur dan beliau mengambil keputusan untuk bersara. Beliau tidak mempunyai waris untuk menggantikannya.

Charles Vyner Brooke 年事已高，他决定退休。他没有继承人以接替他。

3. Vyner Brooke enggan memberi peluang kepada anak saudaranya, Anthony Brooke mengambil alih pemerintahan Sarawak kerana pertikaian antara mereka.

Vyner Brooke 拒绝给他的侄子，**Anthony Brooke** 一个机会接管砂劳越的行政，因为他们之间的纠纷。

4. Anthony Brooke dilantik sebagai Raja Muda pada bulan Mac 1939. Semasa menjalankan tugas ketika ketiadaan Vyner Brooke, beliau telah membuat beberapa teguran kepada para pegawai tadbir kanan negeri. Ini menyebabkan mereka tersinggung dan meletakkan jawatan secara serentak.

Anthony Brooke 于 1939 年三月被任命为摄政王。当他在 **Vyner Brooke** 不在期间履行职责时，他对高级行政官员提出几个警告。这导致了他们生气，并同时辞职。

5. Pada bulan Januari 1941, Anthony Brooke telah mempersoalkan tujuan Charles Vyner Brooke di sebalik pengisytiharan Perlembagaan 1941 sempena Perayaan 100 Tahun Pengambilan Sarawak.

1941 年 1 月，**Anthony Brooke** 质问 **Charles Vyner Brooke** 庆祝取得砂劳越 100 周年的同时声明 1941 年宪法背后的目的。

6. Dalam rundingan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British, Pejabat Tanah Jajahan mengadu Anthony Brooke enggan memberikan kerjasama yang sepatutnya.

在移交砂劳越给英国政府的谈判中，殖民地办公室投诉 **Anthony Brooke** 不肯给予应有的合作。

7. Tindakan Anthony Brooke telah menimbulkan kemarahan Charles Vyner Brooke. Charles Vyner Brooke menarik balik gelarannya sebagai Raja Muda pada tahun 1945.

Anthony Brooke 的举动激怒 **Charles Vyner Brooke**。**Charles Vyner Brooke** 撤回他于 1945 年作为摄政王的称号。

8. Pada bulan Disember 1945, Charles Vyner Brooke telah mengadakan rundingan dengan Pejabat Tanah Jajahan berkenaan penyerahan Sarawak. Hasilnya, Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

1945 年 12 月，Charles Vyner Brooke 与殖民地办公室谈论移交砂劳越。结果是，Charles Vyner Brooke 决定移交砂劳越给英国政府。

9. Bagi mengesahkan keputusan penyerahan itu, Charles Vyner Brooke memutuskan untuk mendapatkan persetujuan pemimpin tempatan dan ketua bumiputera dalam Majlis Tertinggi Sarawak.

为了确认移交的决定，**Charles Vyner Brooke** 决定得到砂劳越最高委员会的当地领导人和土著酋长的同意。

10. Gerard T. MacBryan ditugaskan untuk menjalankan tugas tersebut. Tugas MacBryan ialah memperoleh tandatangan daripada ketua bumiputera dan pemimpin tempatan dalam Majlis Tertinggi Sarawak bagi menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Gerard T. MacBryan 被分配以执行任务。**MacBryan** 的任务是获得劳越最高委员会的当地领导人和土著酋长的签名以移交砂劳越给英国政府。

11. Seperti Sir Harold MacMichael di Tanah Melayu, Gerard T. MacBryan telah diarahkan menggunakan tipu muslihat untuk memudahkan tugas beliau. MacBryan telah berjaya mendapat persetujuan daripada mereka yang berkenaan dalam beberapa hari sahaja.

就好像在马来亚的 **Harold MacMichael** 爵士，**Gerard T. MacBryan** 被告知使用诡计，以方便他的任务。**MacBryan** 成功在短短几天内获得他们有关人士的同意。

12. Pada 8 Februari 1946, Charles Vyner Brooke mengumumkan secara rasmi persetujuan Majlis Tertinggi Sarawak untuk menyerahkan negeri itu kepada kerajaan British di London.

于 **1946 年 2 月 8 日，Charles Vyner Brooke** 正式宣布砂劳越最高委员会同意移交砂劳越给在伦敦的英国政府。

13. Pengumuman ini telah menimbulkan bantahan pelbagai pihak terutamanya orang Melayu dan Iban. 这项宣布引起各方人士尤其马来人和伊班人的反对。

14. Akibat bantahan tersebut, Pejabat Tanah Jajahan telah mengarahkan Charles Vyner Brooke merujuk kepada Majlis Negeri bagi mendapatkan persetujuan penyerahan Sarawak secara perundangan dan demokrasi.

反对的结果，殖民地办公室命令 **Charles Vyner Brooke** 参照国务院以通过立法和民主得到移交砂劳越的批准。

15. Setelah dibahaskan selama tiga hari, akhirnya Majlis Negeri telah meluluskan Rang Undang-Undang Penyerahan Sarawak atau Cession Bill kepada kerajaan British dengan 18 undi menyokong dan 16 undi menentang.

辩论三天后，国务院终于以 **18 赞成票，16 反对票** 批准这项移交或割让砂劳越给英国政府的法案。

16. Kerajaan British kemudiannya telah mengisytiharkan Sarawak sebagai Jajahan Mahkota British pada 1 Julai 1946. Sir Charles Arden Clarke dilantik menjadi Gabenor British yang pertama di Sarawak.

英国政府随后于 1946 年 7 月 1 日宣布砂劳越为英国的直辖殖民地，**Charles Arden Clarke** 爵士成为砂劳越的第一个英国总督。

Mesej Focus 资讯焦点

Sebelum teretusnya Perang Dunia Kedua, Charles Vyner Brooke enggan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British walaupun beberapa kali didesak oleh kerajaan British. Selepas Perang Dunia Kedua, Vyner Brooke bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Bagi mengesahkan tindakannya menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British, beliau menghantar wakilnya, Gerard T. MacBryan yang menggunakan cara tipu helah seperti kerajaan British melaksanakan rancangan Malayan Union di Tanah Melayu.

第二次世界大战爆发前，**Charles Vyner Brooke** 拒绝移交砂劳越给英国政府虽然英国政府敦促了几次。二战结束后，**Vyner Brooke** 同意移交砂劳越给英国政府。为了确认他移交砂劳越给英国政府的行动，他派他的副手，**Gerard T. MacBryan** 使用阴谋，就如英国政府在马来亚实施马来亚联盟计划一样。

6.1.3 Gerakan Anti penyerahan Sarawak 反对移交砂劳越的运动

1. Walaupun keputusan penyerahan Sarawak telah diluluskan di Majlis Negeri dan sah di sisi undang-undang, namun orang Melayu dan Iban terus menentang penyerahan tersebut.

虽然国务院批准移交砂劳越的决定，并在法律上是有效的，但马来人和伊班人继续反对这项移交。

2. Ini kerana undi yang menyokong usul penyerahan Sarawak kepada kerajaan British diperoleh daripada ahli-ahli bukan bumiputera.

这是因为支持移交砂劳越给英国政府的提案的票数是来自非本地人的成员。

3. Penentangan masyarakat Melayu yang diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datu Patinggi Haji Mohamad Kassim, iaitu ketua datu-datu dan masyarakat Melayu dan kaum Melayu terpelajar.

马来人的反对由 **Datu Patinggi Abang Haji Abdillah bin Datu Patinggi Haji Mohamad Kassim** 率领的，那就是大督和马来人和马来知识分子的首领。


4. Penentangan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British turut disertai oleh Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Barisan Pemuda Melayu Sibn (BPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS), dan Persatuan Dayak Sarawak (PDS).

砂劳越全国协会（**PKMS**），诗巫马来青年团（**BPM**），砂劳越青年团（**BPS**）和砂劳越达雅协会（**PDS**）也参与反对移交砂劳越给英国政府。

5. Perjuangan persatuan tersebut menentang penyerahan Sarawak kepada kerajaan British dikenali sebagai Gerakan anti penyerahan.

这团体对抗移交砂劳越给英国政府的奋斗被称为反对移交砂劳越的运动。

Faktor gerakan anti penyerahan Sarawak 反对移交砂劳越的运动的因素



6. Antara sebab penentangan penyerahan Sarawak oleh orang Melayu dan Iban ialah bertentangan dengan Perlembagaan 1941 yang menjanjikan kerajaan sendiri kepada Sarawak. Usaha mereka untuk mendapatkan kemerdekaan menjadi semakin sukar kerana kini Sarawak menjadi jajahan mahkota British. 其中马来人和伊班人反对移交砂劳越的原因，是因为违反 1941 年宪法，承诺给予砂劳越人民自治行政的。他们获得独立的努力变得越来越困难，因为现在砂劳越成为英国直辖殖民地。

7. Selain itu, Charles Vyner Brooke telah membuat keputusan sendiri tanpa berunding dengan ketua-ketua bumiputera dan pemimpin tempatan. Apabila keadaan semakin mendesak, Charles Vyner Brooke melalui Gerard T. MacBryan telah menggunakan tipu helah untuk mendapatkan persetujuan daripada mereka. Begitu juga dengan keputusan Majlis Negeri Sarawak yang meluluskan penyerahan Sarawak secara perundangan.

此外，**Charles Vyner Brooke** 没有咨询土著酋长和地方领导人就作出决定。当情况越来越紧急，**Charles Vyner Brooke** 通过 **Gerard T. MacBryan** 使用计谋来得到他们的批准。国务院委员会的决定，以立法批准移交砂劳越也是这样地。

8. Golongan yang menentang penyerahan Sarawak seperti Barisan Pemuda Melayu mendesak Anthony Brooke ditabalkan sebagai Raja Sarawak yang baru. Langkah meneruskan kesinambungan pemerintahan keluarga Brooke ini dianggap dapat memudahkan usaha menuntut kemerdekaan Sarawak.

反对移交砂劳越的群组，比如马来青年团敦促 **Anthony Brooke** 被加冕为砂劳越的新王。**Brooke** 家族继续为王被认为是有利于砂劳越独立的步骤。

6.1.4 Penentangan dan Reaksi British 对抗和英国的反应

1. Menjelang tahun 1946, gerakan anti penyerahan menjadi semakin hebat. Para penentang menghantar surat bantahan, kawat, dan telegram kepada kerajaan British.

到了 1946 年，反移交运动愈演愈烈。反对者发函抗议，电缆和电报给英国政府。

2. Mereka juga mengadakan perhimpunan, menulis surat bantahan, menampal poster, dan memasang sepanduk di merata-rata tempat sebagai tanda protes.

他们还举行了集会，写抗议信，在任何地方张贴海报和横幅以示抗议。

3. PKMS menganjurkan tunjuk perasaan secara besar-besaran menentang penyerahan Sarawak. Tunjuk perasaan terus diadakan pada 1 Julai setiap tahun.

PKMS 举办大规模的示威对抗移交砂劳越。示威活动于每年 7 月 1 日举行。

4. Tunjuk perasaan yang terbesar pernah diadakan di Kuching pada 1 Julai 1947. Tunjuk perasaan yang disertai oleh PKMS, BPM, dan PDS ini adalah untuk membantah pelantikan Gabenor Sarawak yang pertama, iaitu Sir Charles Arden Clarke.

最大规模的示威曾经于 1947 年 7 月 1 日在古晋举行。**PKMS**，**BPM** 和 **PDS** 参与的示威是为了抗议砂劳越第一个总督的委任，那就是 **Charles Arden Clarke** 爵士。

5. Kaum wanita turut terlibat dengan demonstrasi menentang penyerahan Sarawak. Misalnya, kaum ibu PKMS yang diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein sanggup memasuki kawasan pedalaman untuk mendapatkan sokongan orang Iban.

妇女也参与对抗移交砂劳越的示威。例如，由 **Lily Eberwein** 老师率领的 **PKMS** 妇女组进入内陆地区以得到伊班人的支持。

6. Puan Sharifah Hajah Sifah Tuanku Osman, Dayang Fauziah, dan Cikgu Ajibah Abol yang mewakili kaum ibu BPM berkorban masa dan tenaga mengatur demonstrasi menentang penyerahan Sarawak kepada British.

Sharifah Hajah Sifah Tuanku Osman 太太, Dayang Fauziah, 和 Ajibah Abol 老师代表的 BPM 妇女组牺牲时间和精力安排对抗移交砂劳越的示威。

7. Kerajaan British mula menyedari bahawa kebanyakan golongan anti penyerahan Sarawak terdiri daripada kalangan kakitangan kerajaan khususnya guru-guru Melayu.

英国政府开始意识到, 大多数对抗移交砂劳越的群组是砂州政府雇员, 尤其是马来教师。

8. Sehubungan dengan itu, pada 31 Disember 1946, British telah mengeluarkan satu notis yang dikenali sebagai Pekeliling No. 9.

因此, 1946 年 12 月 31 日, 英国发布一个被称为第 9 通函的通告。

9. Pekeliling ini memberi amaran kepada kakitangan kerajaan supaya terus setia kepada kerajaan dan mengelakkan diri daripada terlibat dalam gerakan anti penyerahan Sarawak.

这通函警告政府雇员以便继续忠于政府和避免参与对抗移交砂劳越。

10. Pekeliling ini menambahkan kemarahan golongan anti penyerahan Sarawak kepada British. Pada 2 April 1947, seramai 338 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan. Bilangan kakitangan kerajaan yang paling ramai bertindak sedemikian terdiri daripada guru Melayu.

这通函激怒对抗移交砂劳越给英国的群组。在 1947 年 4 月 2 日, 共有 338 公务员辞职。有这个举动的政府雇员, 最多数是马来教师。

11. Tindakan guru tersebut telah menyebabkan 22 buah sekolah kerajaan terpaksa ditutup.

教师的举动导致 22 所公立学校被逼关闭。

12. Pada hari berikutnya, seramai 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak bertindak meninggalkan pengajian mereka kerana membantah pekeling tersebut.

接下来, 一共有 56 名来自砂劳越马来师训学院的学生放弃学业, 因为反对这通函。

13. Gerakan penentangan semakin bertambah hebat apabila Barisan Pemuda Melayu (BPM) Sibul mengadakan perhimpunan yang dihadiri oleh 250 perwakilan bumiputera dari seluruh cawangan BPM.

对抗运动越来越激烈, 当诗巫的马来青年团 (BPM) 举办 250 个来自所有 BPM 分支的土著代表参加的集会。

14. Setiap kampung dikerah membuat poster dan sepanduk. Antara kata-kata anti penyerahan yang ditulis di poster dan sepanduk ialah:

每个村庄发动制做海报和横幅。其中写在对抗移交海报及横额的话是:

(a) "Kami Membantah dengan Sekeras-kerasnya Atas Tindakan Brooke Menyerahkan Sarawak kepada Kolonial Inggeris"

“我们强烈反对 Brooke 移交砂劳越给英国殖民地的行动”

(b) "Sarawak Adalah Hak Kami, Leburkan Koloni"

“砂劳越是我们的, 解散殖民地”

15. PPM disertai oleh kaum lelaki, perempuan, dan kanak-kanak yang mengadakan perarakan di Sibul.

Mereka membawa berbagai jenis sepanduk dan poster yang tertulis, "kami berkehendakkan Brooke Rule sebab Colonial Rule terlampau berat kepada kami."

在诗巫举行游行的 PPM 由男人，女人和孩子参与。他们携带各种类型的横幅和海报，上面写着，“我们要求 **Brooke** 统治因为殖民统治对我们来说太沉重了。”

16. Pada awalnya kerajaan British menganggap gerakan anti penyerahan bersifat sementara dan tidak akan menggugat kedudukan mereka di Sarawak.

起初，英国政府认为对抗移交运动是暂时性的，不会危及他们在砂劳越的地位。

17. Anggapan ini meleset kerana gerakan tersebut semakin mendapat sokongan penduduk Sarawak dan gerakan anti penyerahan masih berterusan. British kemudian menggiatkan usaha untuk melemahkan gerakan anti penyerahan.

这个假设是失误的，因为，这个运动已获得砂劳越人民的支持，而对抗移交运动还在进行中。过后英国加紧努力削弱对抗移交运动。

18. British menggalakkan penubuhan persatuan Melayu Muda atau Young Malay Association (YMA). YMA menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

英国鼓励成立马来年轻人协会或 **Young Malay Association (YMA)** 的。**YMA** 支持移交砂劳越给英国政府。

19. Tujuan British menyokong YMA adalah untuk memecahbelahkan perpaduan orang Melayu kepada dua pihak yang bertentangan.

英国支持 **YMA** 的目标是分化团结的马来人为敌对的两边。

20. YMA cuba mengambil ahli-ahli baru daripada kalangan golongan anti penyerahan. YMA menakutkan golongan anti penyerahan Sarawak sekiranya mereka tidak menyertai YMA, anak-anak mereka tidak dapat belajar di sekolah kerajaan dan tidak boleh berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

YMA 试图招揽对抗移交的群组为新成员。**YMA** 恐吓对抗移交砂劳越的群组，如果他们不加入 **YMA**，他们的孩子不能在公立学校读书和不能成为公务员。

21. British juga mengadakan kempen melaga-lagakan orang Melayu dengan orang Dayak supaya kedua-dua pihak bermusuhan antara satu sama lain. British memburuk-burukkan anggota gerakan anti penyerahan dengan menuduh perjuangan mereka hanyalah untuk mengekalkan hak istimewa orang Melayu Sarawak.

英国还举办让马来人和达雅族之间敌对的活动，以便双方互相敌视。英国抹黑对抗移交的群组，指控他们的斗争只是为了保持马来人在砂劳越的特权。

22. Malah British sering mempersenda, menghina, dan mencemuh perjuangan gerakan anti penyerahan dalam majlis-majlis rasmi.

英国甚至经常在正式的会议里模仿，侮辱和嘲讽对抗移交群组的奋斗。

23. Menjelang akhir tahun 1947, kegiatan gerakan anti penyerahan semakin lemah akibat pelbagai propaganda dan kempen yang dilakukan oleh British.

直到 1947 年年底，由于英国进行的各种宣传和运动，对抗移交的活动越来越弱。

24. Keadaan ini menyebabkan golongan muda dalam BPM Sibu bertemu secara sulit untuk menubuhkan kumpulan yang dikenali Rukun Tiga Belas. Rukun Tiga Belas dianggotai oleh ahli BPM yang radikal.

因此，**BPM** 的年轻人在诗巫秘密会面，以设立一个名为十三支柱的小组。十三支柱由激进的 **BPM** 成员参与。

25. Mereka telah bersumpah untuk menghapuskan pegawai Eropah dan pemimpin Melayu yang bersubahat menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

他们发誓要消灭欧洲官员和教唆他人支持移交砂劳越给英国政府的马来领袖。

26. Rosli Dhobi ditugaskan untuk membunuh Sir Duncan Stewart (Gabenor Sarawak kedua). Pada 3 Disember 1949, semasa Sir Duncan Stewart mengadakan lawatan rasmi ke Sibu, beliau telah ditikam oleh Rosli Dhobi.

Rosli Dhobi 被分配到杀死 **Duncan Stewart** 爵士（砂劳越第二个总督）的任务。于 1949 年 12 月 3 日，当 **Duncan Stewart** 爵士到诗巫进行正式访问，他被 **Rosli Dhobi** 刺伤。

27. Akhirnya Sir Duncan Stewart meninggal dunia di hospital Singapura seminggu kemudian. Peristiwa ini merupakan kemuncak gerakan penentangan penyerahan Sarawak kepada kerajaan British.

最后，**Duncan Stewart** 爵士在新加坡医院一个星期后死亡。这件事是反移交砂劳越给英国政府运动的高潮。

28. Peristiwa pembunuhan Sir Duncan Stewart memberi peluang kepada British untuk menggunakan kekerasan bagi melemahkan gerakan anti penyerahan. Rosli Dhobi, Morshidi Sidek, Awang Rambli, dan Bujang Suntong telah didapati bersalah dan dijatuhi hukuman gantung sampai mati. Seramai lima belas orang anggota Rukun Tiga Belas yang lain dijatuhi hukuman penjara.

Duncan Stewart 爵士的刺杀给了英国使用暴力的机会以削弱反移交。**Rosli Dhobi**，**Morshidi Sidek**，**Awang Rambli** 和 **Bujang Suntong** 被判有罪，并被判吊死刑。共有十五名十三支柱成员被判有期徒刑。

Petikan Surat Terakhir Rosli Dhobi Sebelum Dihukum Gantung

Rosli Dhobi 被吊死刑之前的最后一封信

"..dengan secarik kertas ini dan sepuntung pensil untuk renungan sepanjang masa. Saya si penulis Rosli Dhobi dalam lindungan permai. Saudara-saudara dan saudari-saudari seperjuangan, saya tak lama lagi akan meninggalkan jejak tanah tumpah darahku yang kucintai, dan ayah bondaku yang kukasihi dan saudara-saudara semua, dengan nama Allah sifat pemurah dan penyayang saya memohon sepuluh jari mohon ampun dan maaf atas kesalahan saya telah terjadi selama ini, saya sanggup berkorban nyawa untuk memperbaiki rakyat yang diperbudaki oleh penjajah, saya mengaku dan terima apa-apa kesalahan di dunia ini saya tak gentar tak takut mati, saya terima hukuman yang telah dijatuhkan di mahkamah. Saya berdoa kepada Allah, saudara-saudara, saudari-saudari di akhir kelak balik ke pangkuan ibu pertiwi...tetapi saya sudah tidak ada lagi di dunia ini.

“..用这一张纸和一支铅笔以随时反省。我，在美丽庇护所的笔者 **Rosli Dhobi**。一起奋斗的兄弟姐妹们，我很快就会离开我爱的祖国土地，我亲爱的父亲母亲和所有兄弟姐妹，以阿拉真主的慷慨和关爱之名，我谨此十个手指乞求宽恕和原谅我之前犯下的过错，我愿意牺牲自己的生命，以改善被侵略者奴役的人民，我承认和接受这个世界的任何错误我不害怕不怕死亡，我接受法庭判处的刑罚。我祈祷真主，兄弟和姐妹们最终回到自己的祖国.....但我已不在这个世界上，

29. Seterusnya, British menghantar Anthony Brooke ke Sarawak untuk meredakan ketegangan yang sedang memuncak. Anthony Brooke telah merayu kepada semua penyokong gerakan anti penyerahan Sarawak supaya menamatkan penentangan dan menerima pemerintahan British.

接下来，英国派遣 **Anthony Brooke** 到砂劳越以舒缓正处于高峰期的紧张局势。**Anthony Brooke** 呼吁所有反移交砂劳越的支持者，以便结束对抗并接受英国的统治。

30. Kesemua tindakan British akhirnya berjaya melumpuhkan gerakan anti penyerahan.

英国所有的行动最终成功瘫痪反移交运动。

31. Menjelang awal tahun 1950-an, British semakin mengukuhkan kedudukannya di Sarawak. British terus kekal berkuasa dan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya sehinggalah Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963.

到了 1950 年代初，英国逐步巩固它在砂劳越的地位。英国仍然继续执政并让砂劳越成为它的殖民地，直到砂劳越于 1963 年参加马来西亚。


32. Gerakan anti penyerahan Sarawak bukan sahaja menentang penyerahan Sarawak kepada British semata-mata tetapi juga merupakan perjuangan penduduk tempatan untuk mendapatkan kemerdekaan negeri Sarawak.

反移交砂劳越运动不仅是对抗移交砂劳越给英国而以，也是当地人民获得砂劳越独立的奋斗。

6.1.5 Langkah ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sarawak 砂劳越迈向自治的步骤

1. Sarawak menjadi tanah jajahan British secara rasmi pada 1 Julai 1946. Taraf Sarawak ialah sebagai jajahan mahkota kerajaan British. Kerajaan British mengadakan beberapa perubahan dalam pentadbiran. 砂劳越于 1946 年 7 月 1 日正式成为英国殖民地，砂劳越的地位是英国直辖殖民地。英国政府举行几个行政改革。

Langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sarawak 砂劳越迈向自治的步骤



2. Apabila kerajaan British mengambil alih Sarawak pada tahun 1946, sistem pentadbiran negeri Sarawak disusun semula. Perubahan ini adalah untuk memudahkan pentadbiran. Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian. Setiap bahagian diketuai oleh seorang Residen. Setiap bahagian pula dibahagikan kepada beberapa daerah. Setiap daerah diketuai pula oleh Pegawai Daerah.

当英国于 1946 年接管砂劳越政府，砂劳越行政制度被重新调整。这个改变是为了简化行政管理。砂劳越分为五个部分。每一部分由一名领事率领。每一部分被分成几个省份。每个省份由民政事务专员负责。

3. Pada tahun 1947, British telah membentuk Majlis Tempatan. Majlis ini memberi peluang kepada ahli-ahli yang dilantik terlibat dalam pentadbiran tempatan.

1947 年，英国成立地方委员会。这委员会给予被委任的成员机会参与地方行政。

4. Peranan Majlis Tempatan ialah menguruskan pelajaran rendah, bekalan air, jalan raya, kesihatan, dan mengawal perbelanjaan di kawasan yang ditetapkan. Majlis Tempatan juga dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai kepala dan cukai-cukai lain.

地方委员会的作用是在指定的区域处理初级教育，供水，道路，卫生和控制在支出。地方委员会还负责征收人头税和其他税务。

5. Pada tahun 1956, satu lagi perubahan telah berlaku, iaitu pindaan ke atas Perlembagaan Negeri Sarawak. Di bawah pindaan ini, jumlah ahli Majlis Negeri dan Ahli Majlis Tertinggi ditambah. Ahli Majlis Negeri dan

ahli Majlis Tertinggi ditambah menjadi 10 orang ahli. Perlembagaan ini berkuat kuasa pada bulan April 1957.

1956 年，发生另一个改变，那就是修订砂劳越宪法。根据这项修订，国务院和最高委员会成员的人数增加。国务院成员和最高委员会成员增加至 10 人。这个宪法于 1957 年 4 月生效。

6. Pada akhir tahun 1959, pilihan raya yang pertama telah diperkenalkan di Sarawak. Pilihan raya tersebut diadakan untuk memilih ahli Majlis Daerah. Pilihan raya ini memberi peluang kepada penduduk setempat memilih sendiri pemimpin mereka.

在 1959 年年底，砂劳越第一次进行选举。这次举行选举是为了选举区议会议员。这次选举给当地居民机会，选择自己的领导人。

6.1.6 Penubuhan Parti Politik di Sarawak 砂劳越建立的政党

1. Pindaan Perlembagaan 1956 telah membawa kepada penubuhan beberapa buah parti politik.

1956 年修订宪法导致多个政党的成立。

2. Antara parti politik yang ditubuhkan ialah Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Negara Sarawak (PANAS) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

成立的政党有砂拉越人联党 (SUPP)，砂劳越国家党 (PANAS) 及砂拉越国民党 (SNAP)。

Mesej Focus 资讯焦点

Parti politik Sarawak muncul ekoran keputusan British untuk mengadakan pilihan raya Majlis Daerah dalam tempoh beberapa tahun dari 1956. Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) ditubuhkan pada Jun 1956. Parti Negara Sarawak (PANAS) ditubuhkan oleh orang Melayu Sarawak pada April 1960. Pengerusi pertamanya ialah Datu Patinggi Abang Haji Mustapha. Masyarakat Iban juga tidak ketinggalan menubuhkan parti politik yang pertama, iaitu Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) pada April 1961. Pada Disember 1961, lahir Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA).

英国决定举办选举后，砂劳越从 1956 年几年时间，出现政党。砂拉越人联党 (SUPP) 成立于六月 1956 年。砂劳越国家党 (PANAS) 于 1960 年 4 月由砂劳越马来人成立。它第一任主席是 Datu Patinggi Abang Haji Mustapha。伊班社会也不会错过于 1961 年 4 月建立第一个政党，那就是砂劳越国民党 (SNAP)。在 1961 年 12 月成立 Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)。

3. Kemudian, beberapa buah parti lain turut ditubuhkan seperti Barisan Jati Rakyat Sarawak (BARJASA) dan Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA).

后来，其他几方政党也被成立，比如 Barisan Jati Rakyat Sarawak (BARJASA) 和 Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)。

4. Parti-parti politik di Sarawak sehingga tahun 1963 adalah seperti berikut:

直到 1963 年，在砂劳越的政党，如下所示：

(a) Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) 砂拉越人联党

(i) Tarikh penubuhan: 12 Jun 1959.

成立日期：1959 年 6 月 12 日。

(ii) Pengasas 创办人: Ong Kee Hui dan Stephen Young. 王其辉和杨国斯

(iii) Matlamat 目标:

- Mewujudkan perpaduan dan kesetiaan di kalangan rakyat Sarawak.

打造砂劳越人民的团结和忠诚度。

- Menyatupadukan kaum-kaum di Sarawak.

团结在砂劳越的种族。

(b) Parti Negara Sarawak (PANAS) 砂劳越国家党

(i) Tarikh penubuhan: 9 April 1960.

成立日期: 1960年4月9日。

(ii) Pengasas 创办人: Datu Patinggi Abang Haji Mustapha.

(iii) Matlamat 目标:

- Menuntut pendidikan percuma bagi sekolah rendah.

给小学争取免费教育。

- Mewujudkan keharmonian antara kaum di Sarawak.

打造砂劳越族群之间的和谐。

- Mempertingkatkan kedudukan politik, ekonomi, dan sosial bumiputera.

提升原住民的政治, 经济和社会地位。

(c) Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) 砂拉越国民党

(i) Tarikh penubuhan: 10 April 1961.

成立日期: 1961年4月10日。

(ii) Pengasas 创办人: Stephen Kalong Ningkan.

(iii) Matlamat 目标:

- Memperjuangkan hak dan kepentingan orang Iban di Sarawak.

争取砂劳越伊班人的权利和利益。

- Mendapatkan kemerdekaan bagi Sarawak.

获得砂劳越独立。

(d) Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) 砂拉越土著阵线

(i) Tarikh penubuhan: 4 Disember 1961.

成立日期: 1961年12月4日。

(ii) Pengasas 创办人: Datu Tuanku Haji Bujang bin Tuanku Othman.

(iii) Matlamat 目标:

- Menuntut hak istimewa bagi penduduk bumiputera.

要求原住民的特别权利。

- Mempertingkatkan taraf hidup bumiputera Sarawak.

改善砂劳越原住民的生活水平。

- Mewujudkan keharmonian di kalangan rakyat.

打造人民之间的和谐。

- Menyelamatkan rakyat dari fahaman komunis.

从共产主义中拯救人民。

- Menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan.

要求马来语为国语。

(e) Parti Cina Sarawak (SCA) 砂劳越华人公会

(i) Tarikh penubuhan: Julai 1962.

成立日期: 1962 年 7 月。

(ii) Pengasas 创办人: William Tan.

(iii) Matlamat 目标:

-Berusaha ke arah perpaduan orang Cina.

为华人的团结而奋斗。

-Menjamin kebajikan orang Cina.

确保华人的福利。

(f) Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) 砂劳越保守党

(i) Tarikh penubuhan: Ogos 1962.

成立日期: 1962 年 8 月。

(ii) Pengasas 创办人: Temenggung Jugah.

(iii) Matlamat 目标:

- Membantu orang Dayak mencapai perpaduan.

帮助达雅族达到团结。

- Menjamin hak orang Dayak dalam perlembagaan.

确保达雅族在宪法中的权利。

5. Pada bulan November 1962, Parti Perikatan Sarawak dibentuk. Parti Perikatan Sarawak terdiri daripada gabungan lima buah parti politik seperti Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA), Parti Cina Sarawak (SCA), Parti Negara Sarawak (PANAS), Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA), dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

1962 年 11 月, 成立砂劳越联盟党。砂劳越联盟党由五个政党组合而成, 比如 **Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)**, **砂劳越华人民党 (SCA)**, **砂劳越国家党 (PANAS)**, **Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)** 和 **砂拉越国民党 (SNAP)**。

6. Peristiwa yang mendorong penggabungan politik ini ialah pilihan raya pada tahun 1963. Isu yang paling utama pilihan dalam raya tersebut ialah pembentukan Persekutuan Malaysia. Dalam pilihan raya tersebut, Parti Perikatan Sarawak memenangi kerusi terbanyak dengan 138 kerusi.

促使这种结合的是于 1963 年的选举。在这选举中最主要的课题是成立马来西亚联邦。在这选举中, 砂劳越联盟党赢得 138 个席位。

7. Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) tidak menyertai Perikatan Sarawak kerana mempunyai pendirian yang berbeza mengenai pembentukan Persekutuan Malaysia.

砂拉越人联党 (SUPP) 不参加砂劳越联盟党因为对于成立马来西亚联邦有不同的立场。

6.2 Perubahan Pentadbiran ke Arah Berkerajaan Sendiri di Sabah 沙巴迈向自治的行政改革

6.2.1 Sabah Selepas Kekalahan Jepun 日本战败后的沙巴

1. Semasa kedatangan Jepun, Sabah masih di bawah pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB).

在抵达日本时，沙巴依然是在英国北婆罗洲公司（SBUB）的管理之下。

2. Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, Sabah ditadbir oleh Pentadbiran Tentera British (BMA).

第二次世界大战结束后，沙巴由英国军事管理局（BMA）管理。

3. Pentadbiran Tentera British (BMA) telah berusaha mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam negeri.

英国军事管理局（BMA）一直在努力恢复州内的和平和秩序。

6.2.2 Sabah Diserahkan kepada Kerajaan British 移交沙巴给英国政府


1. Semasa di bawah BMA, kerajaan British telah menandatangani perjanjian dengan SBUB pada 26 Jun 1946 yang membawa kepada penyerahan Sabah kepada kerajaan British.

在 BMA 期间，英国政府于 1946 年 6 月 26 日与 SBUB 签订协议导致沙巴移交给英国政府。

2. Sabah telah diserahkan kepada British pada 15 Julai 1946. Sejak tarikh tersebut, Sabah menjadi tanah jajahan kerajaan British secara rasmi.

沙巴于 1946 年 7 月 15 日移交给英国。从这日起，沙巴正式成为英国政府的殖民地。

Faktor Sabah diserahkan kepada kerajaan British 移交沙巴给英国政府的因素



3. Pelabur dan pemodal Eropah sering mendesak kerajaan British supaya mengambil alih pemerintahan Sabah. Mereka bertindak demikian untuk memastikan pelaburan mereka selamat di Sabah. British berasa bertanggungjawab menjaga kepentingan warganegaranya dan melindungi pelaburan mereka.

欧洲的投资者和金融家经常敦促英国政府接管沙巴政府。他们这样做是为了确保他们在沙巴的投资是安全的。英国人觉得有责任捍卫本国公民的利益，保护他们的投资。

4. Bagi kerajaan British, Sabah merupakan pembekal sumber bahan mentah seperti kayu balak, kelapa kering, tembakau, dan hasil tradisional. Di samping itu, Sabah dapat berperanan sebagai tempat bagi memasarkan barang keluaran Britain.

对于英国政府，沙巴是原材料，如木材，干椰肉，烟草和传统收成的供应商。此外，沙巴可以作为推销英国商品的地方。

5. Pengambilan Sabah oleh kerajaan British juga dapat menjamin kedudukan dan keselamatan British di Asia Tenggara. Lokasi Sabah begitu strategik kerana terletak di jalan perdagangan antara Hong Kong dan India.

英国政府决定夺取沙巴也可以确保英国在东南亚的地位和安全。沙巴的位置如此战略性，因为它位于香港和印度之间的贸易路线。

6. Tidak seperti yang berlaku di Sarawak, penyerahan Sabah kepada kerajaan British tidak menimbulkan sebarang penentangan daripada penduduk tempatan kecuali waris Kesultanan Sulu yang menganggap Sabah sebagai miliknya.

没有发生像砂劳越那样的事，沙巴移交给英国政府没有引起当地居民的任何阻力，除了认为沙巴作是属于自己的苏禄国继承人。

7. Walaupun sudah wujud beberapa pertubuhan politik seperti Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) dan Barisan Pemuda (BARIP), namun pertubuhan tersebut lebih menumpukan usaha memperbaiki taraf hidup rakyat.

虽然已经出现一些政治组织，比如纳闽马来国民党（PKML）和青年团（BARIP），然而这些组织比较注重提高人民的生活水平的努力。

8. Malah, SBUB juga sentiasa mengenakan tekanan terhadap pertubuhan yang begitu aktif memperjuangkan hak penduduk tempatan.


事实上，SBUB 常常对积极为当地居民争取权利的组织施加压力。

9. Setelah PKML dan BARIP terkubur, tidak ada lagi pertubuhan bercorak politik di Sabah sehinggalah penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) dan Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO).

PKML 和 BARIP 被瓦解后，沙巴不再有政治性的组织，直到沙巴国民统一机构（沙统/USNO）和全国卡达山人统一机构（卡统/UNKO）的成立。

6.2.3 Langkah ke Arah Pemerintahan Sendiri di Sabah 沙巴迈向自治的步骤

Langkah ke arah pemerintahan sendiri di Sabah 沙巴迈向自治的步骤



1. Setelah lebih kurang empat tahun kerajaan British mentadbir Sabah, British telah memperkenalkan perlembagaan baru pada tahun 1950. Melalui perlembagaan baru ini, Majlis Undangan dan Majlis Kerja telah ditubuhkan. Penduduk tempatan diberi peluang melibatkan diri dalam pemerintahan negeri melalui pelantikan wakil-wakil mereka secara tidak rasmi dalam Majlis Undangan. Peluang ini sangat penting bagi melatih penduduk tempatan menjadi pemimpin. Donald Stephens dan Tun Datu Mustapha Datu Harun adalah antara pemimpin bumiputera yang pernah menganggotai majlis tersebut.

经过英国政府管理沙巴四年多后，英国于 1950 年推出新宪法。通过这个新宪法，成立立法委员会（Majlis Undangan）和执行委员会（Majlis Kerja）。给当地居民机会通过非正式地委任他们的代表成为立法委员会成员参与州政府。这是非常重要的机会以培训当地人成为领导者。Donald Stephens 和 Tun Datu Mustapha Datu Harun 就是其中一位曾经参与过这个委员会的土著领袖。

2. Pada tahun 1952, pilihan raya Majlis Tempatan telah diadakan. Pilihan raya ini adalah untuk memilih perwakilan mereka dalam pentadbiran tempatan secara demokrasi. Perkembangan ini merupakan peluang pertama yang diberikan kepada penduduk tempatan.

1952 年，举行地方委员会大选。这次选举是为了民主地选出他们在当地的行政代表。这进展第一次给当地居民机会。

3. Pada tahun 1960, British telah meminda perlembagaan yang digubal pada tahun 1950 untuk menambah jumlah bilangan pemimpin kaum bumiputera sebagai ahli tidak rasmi dalam Majlis Undangan. Walau

bagaimanapun, semua ahli adalah dilantik dan bukannya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Kuasa melantik ahli tidak rasmi ini terletak pada Gabenor British.

1960 年, 英国修订了于 1950 年制定的宪法, 以增加土著领导人成为非正式立法委员会成员的人数。然而, 所有的成员是被委任的, 而不是通过大选人民选出来的。委任非正式成员的权力是在英国总督手上。

4. Pada akhir tahun 1962, British telah memperkenalkan pilihan raya Majlis Undangan tetapi pengundian dalam pilihan raya Majlis Undangan dijalankan secara tidak langsung.

在 1962 年年底, 英国推介立法委员会选举, 但是却间接地进行立法委员会选举的投票。

6.2.4 Penubuhan Parti Politik di Sabah 沙巴建立的政党

1. Pengumuman gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman membawa kepada kemunculan parti-parti politik di Sabah.

Tunku Abdul Rahman 宣布成立马来西亚导致沙巴出现政党。

2. Dalam tempoh setahun setengah selepas gagasan Malaysia diumumkan beberapa parti politik seperti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO), dan Persatuan Cina Sabah (SCA) telah ditubuhkan.

在宣布成立马来西亚后的一年半内, 几个政党, 比如沙巴国民统一机构 (沙统), 全国卡达山人统一机构 (卡统) 和沙巴华人公会 (沙华) 被成立。

3. Parti-parti politik di Sabah sehingga tahun 1963 adalah seperti berikut:

直到 1963 年, 在沙巴的政党, 如下所示:

(a) Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO) 全国卡达山人统一机构 (卡统)

(i) Tarikh penubuhan: Ogos 1961

成立日期: 1961 年 8 月。

(ii) Pengasas 创办人: Donald Stephens.

(iii) Matlamat 目标:

- Menjaga kepentingan dan memelihara hak orang Kadazan Dusun.

照顾卡达山人的利益和维护卡达山人的权利。

(b) Pertubuhan kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) 沙巴国民统一机构 (沙统)

(i) Tarikh penubuhan: 23 Disember 1961.

成立日期: 1961 年 12 月 23 日。

(ii) Pengasas 创办人: Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.

(iii) Matlamat 目标:

- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

让马来文成为国语。

- Memperjuangkan hak kaum bumiputera Islam.

捍卫回教原住民的权利。

- Memperjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi.

争取回教为官方宗教。

- Menukar nama Borneo Utara kepada Sabah.

北婆罗州改名为沙巴。

(c) Pasok Momogun 巴索党

(i) Tarikh penubuhan: Januari 1962.

成立日期: 1962 年 1 月。

(ii) Pengasas 创办人: Orang Kaya-kaya Sedomon dan G.S. Sundang.

(iii) Matlamat 目标:

- Melindungi kepentingan penduduk di kawasan pedalaman Sabah.

- 保护在沙巴的农村居民的利益。

(d) Persatuan Cina Sabah (SCA) 沙巴华人公会

(i) Tarikh penubuhan: Oktober 1962.

成立日期: 1962 年 10 月。

(ii) Pengasas 创办人: Khoo Siak Chiew dan Peter Chin.

(iii) Matlamat 目标:

- Melindungi hak orang Cina.

保护华人的权利。

4. USNO, UNKO, Pasok Momogun, dan SCA telah bergabung membentuk Perikatan Sabah. Perikatan Sabah ditubuhkan untuk menyertai pilihan raya pada tahun 1962. Parti Perikatan mendapat kejayaan cemerlang dalam pilihan raya tersebut.

USNO, UNKO, 巴索党和 SCA 结合, 成立沙巴联盟。沙巴联盟被成立是为了参加 1962 年的选举。联盟党在选举中成功取得优秀的成绩。

5. Secara keseluruhannya, gagasan Malaysia telah berjaya menyatukan pelbagai parti politik yang berbeza kepentingan dalam satu perikatan.

总体而言, 马来西亚成功统一多个不同利益的政党于一个联盟。

6. Perikatan Sarawak dan Perikatan Sabah merupakan gabungan parti-parti politik yang dominan pada ketika itu. Perikatan tersebut telah membawa Sarawak dan Sabah mencapai kemerdekaan dalam Persekutuan Malaysia.

砂劳越联盟和沙巴联盟是当时主导政党的联盟。这联盟使砂劳越和沙巴加入马来西亚联邦而获得独立。

Mesej Focus 资讯焦点

Sebelum tahun 1961, tiada sebuah parti pun di Sabah. Hanya apabila Tunku Abdul Rahman mengemukakan gagasan Malaysia, barulah muncul parti-parti politik di negeri itu. Perkara ini berlaku disebabkan sistem pelajaran dan perhubungan yang kurang maju di Sabah. Di samping itu, British tidak menggalakkan penduduk tempatan bergiat dalam bidang politik.

在 1961 年之前, 沙巴没有一个政党。只有当 **Tunku Abdul Rahman** 提出成立马来西亚想法, 然后才有政党在沙巴出现。这是因为沙巴的教育制度不发达的关系。此外, 英国不鼓励当地居民活跃于政治领域。